

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN SEMINAR PENGENALAN KEPADA KONSEP
PERKONGSIAN DALAM INDUSTRI PEMBINAAN KHUSUSNYA PELAKSANAAN
KONSEP PERKONGSIAN DI JKR, ANJURAN JABATAN KERJA RAYA (JKR) DAN
MASTER BUILDERS ASSOCIATION MALAYSIA (MBAM)
DI HOTEL PALM GARDEN, PUTRAJAYA
22 APRIL 2000

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Master Builders Association Malaysia (MBAM) kerana sudi menjemput saya merasmikan seminar pengenalan kepada konsep perkongsian dalam industri pembinaan khususnya pelaksanaan konsep perkongsian untuk pelaksanaan projek JKR.

2. Sesungguhnya majlis ini merupakan satu lagi tanda kerjasama erat di antara anggota-anggota dalam industri pembinaan yang sentiasa berganding bahu untuk memajukan dan mengembangkan industri pembinaan negara kita.

3. Saya ingin menjelaskan bahawa konsep perkongsian yang dimaksudkan bagi industri pembinaan negara ini menawarkan satu alternatif baru dalam proses perolehan dalam sektor industri pembinaan. Secara lazimnya, industri pembinaan di Malaysia terdiri daripada dua pemain utama iaitu pelanggan dan kontraktor. Mereka merupakan dua entiti yang berbeza dari segi objektif, cara pengurusan dan prosedur operasi. Dalam proses pelaksanaan pembinaan, setiap pihak membuat keputusan berdasarkan kepentingannya sendiri serta matlamat masing-masing tanpa mengambil kira kesannya terhadap pihak yang lain. Keadaan ini boleh menimbulkan satu suasana perbalahan di antara kedua-dua belah pihak tersebut.

4. Oleh itu konsep perkongsian merupakan satu alternatif yang boleh menawarkan kepuasan pada kedua-dua pihak (win-win situation), kerana setiap projek ada kumpulan daripada kedua-dua belah pihak yang menyemak masalah yang timbul dan seterusnya sama-sama bertolak ansur dalam menyelesaikan masalah tersebut secara yang terbaik. Masing-masing pihak mengiktiraf serta menghormati objektif setiap pihak bagi menjamin kejayaan projek yang dilaksanakan.

5. Oleh yang demikian jika konsep perkongsian ini dilaksanakan dengan sempurna, serta dengan sokongan padu daripada semua pihak, manfaat seperti penjimatan kos serta masa pembinaan, penurunan kadar perbalahan dan peningkatan kualiti pembinaan yang ketara akan dapat dinikmati oleh semua pihak yang terlibat.

6. Sektor pembinaan amatlah penting kepada ekonomi negara kerana ianya memberikan sumbangan yang besar dalam pertumbuhan kdnk. Seperti yang kita sedia maklum, negara kita telah mengalami kegawatan ekonomi di antara tahun 1997 dan 1998, keluaran dalam negara kasar (kdnk) benar telah menguncup sebanyak 7.5% pada tahun 1998. Pemulihan ekonomi pada tahun 1999 telah mencatatkan pertumbuhan kdnk sebanyak 5.4%; lebih tinggi daripada unjuran awal sebanyak 4.3%* dan pada tahun 2000 pertumbuhan kdnk dijangka mencatat sebanyak 5.8%. Manakala unjuran yang telah dibuat oleh imf baru-baru ini menjangka pertumbuhan kdnk pada tahun 2000 akan mencapai 6%.

7. Pada suku tahun kedua tahun 1999, aktiviti pembinaan kerja-kerja kejuruteraan awam, terutamanya dalam sektor awam mulai cergas semula. Penguncupan dalam keseluruhan sektor pembinaan telah menyederhana dengan nyata pada tahun 1999, dengan nilai ditambah sektor ini merosot sebanyak 23% pada tahun 1998. Pemulihan ini adalah jelas terutamanya pada separuh tahun kedua apabila nilai ditambah mencatat pertumbuhan tahunan yang positif sebanyak 1.8%* pada tahun 2000 pertumbuhan sektor ini dijangka tumbuh sebanyak 5%.

8. Statistik bagi tahun 1999 bagi pelaksanaan projek oleh JKR menunjukkan suatu pencapaian yang memberangsangkan. Misalnya sehingga 31 Disember 1999, JKR di peringkat persekutuan telah membelanjakan sebanyak 94% daripada jumlah peruntukkan yang diterima. Dari segi projek-projek yang ditender pencapaian sehingga disember 1999 ialah sebanyak 734 projek atau 92.4% berbanding dengan jadual patut tender bagi tahun 1999.

9. Walau bagaimanapun kerajaan sedar masih terdapat pelbagai kelemahan dalam pelaksanaan projek yang dikendalikan oleh JKR. Misalnya setakat 31 Disember 1999 terdapat 147 projek yang dikenalpasti sebagai 'projek sakit'. Dari segi pengurusan kontrak pula masih terdapat kelemahan yang sangat ketara termasuklah: -

- (a) kelewatan menyediakan dan menandatangani dokumen kontrak.
- (b) kelewatan menyediakan dan membuat bayaran interim.
- (c) kelewatan menyediakan dan membuat bayaran bagi kerja-kerja perubahan dan tuntutan kontraktor.
- (d) kelewatan menyediakan akaun muktamad dan
- (e) kualiti pembinaan yang tidak memenuhi kehendak dan keperluan pelanggan.

10. Kelemahan-kelemahan yang disebutkan tadi selalu ditimbulkan oleh jabatan pelanggan, kontraktor-kontraktor terbabit dan juga teguran-teguran audit dan di media massa.

11. Saya amat yakin dengan segala langkah-langkah yang telah diambil dan dilaksanakan oleh JKR bagi memastikan pelaksanaan projek-projek kerajaan berjalan dengan lancar dan licin. Oleh itu kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut bagi memastikan semua projek kerajaan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan langkah-langkah itu ialah; (a) memudahkan penyediaan dokumen kontrak. (b) memudahkan penilaian dan membuat bayaran interim. (c) memudahkan prosidur mengeluarkan arahan perubahan, menyedia dan membuat bayaran bagi kerja perubahan dan tuntutan kontraktor. (d) memudahkan penyediaan akaun muktamad untuk mengatasi masalah akaun tertunggak., dan (e) penggunaan sistem pengumpulan maklumat berkomputer sebagai suatu format melapor pelaksanaan projek.

Dengan langkah-langkah yang diambil ini, saya yakin tidak timbul lagi rungutan dari kontraktor terbabit.

12. Cabaran ekonomi yang paling asas dalam mencapai wawasan 2020 ialah pencapaian matlamat pertumbuhan sebenar kdnk sebanyak 7% setiap tahun mulai daripada tahun 1991. Matlamat pertumbuhan tersebut memberikan impak yang amat ketara dalam industri pembinaan Malaysia. Mengikut kajian mier, dalam menuju wawasan 2020, industri pembinaan di negara ini perlu mempertahankan pertumbuhannya pada kadar 10% setahun dari tahun 1990 hingga tahun 2000, kira-kira 11% setahun dari tahun 2000 hingga 2010. Apabila negara telah membangun sepenuhnya pada tahun 2020, kadar pertumbuhan industri pembinaan akan

menurun kepada 5% setahun.

13. Kerajaan sedar, walaupun pelbagai usaha dan langkah dilakukan oleh agensi-agensi kerajaan bagi meningkatkan ketahanan dalam sektor industri pembinaan ini, masih terdapat jurang perbezaan di kalangan pemain-pemain didalam industri ini. Semasa tempoh kegawatan yang lepas sektor ini merupakan salah satu sektor yang mengalami tekanan yang begitu tinggi. Oleh itu konsep perkongsian yang diamalkan secara meluas di negara-negara maju serta terbukti telah memberikan sumbangan yang amat memberangsangkan di dalam industri pembinaannya, harus diamalkan sepenuhnya di negara ini agar ketahanan sektor pembinaan dapat dipertingkatkan lagi.

14. Selaras dengan itu saya percaya konsep perkongsian dapat menghasilkan penyelesaian kepada perolehan pembinaan. Ianya dapat menggabungkan kepentingan yang berlainan dan sumber daripada pihak yang berbeza, supaya sesuatu projek dapat dilaksanakan dengan baik serta memberikan keuntungan dan kebaikan kepada semua pihak yang terlibat.

15. Dari segi jangka panjangnya perkongsian yang strategik di antara organisasi dapat menggalakkan sikap terbuka, amanah, dan komitmen yang tinggi. Ketika hubungan ini menjadi matang, kepercayaan perlu dibina dan rakan kongsi boleh meneroka cabaran baru dalam jalan yang lebih terbuka. Perkongsian juga membolehkan rakan kongsi untuk saling bertukar sumber, menyatukan kecekapan masing-masing dan menyelaraskan aktiviti mereka dengan menggunakan cara yang terbaru dan terkini.

16. Dalam cabaran yang semakin kompleks dan sumber ekonomi yang semakin berkurangan, konsep perkongsian menjadi satu keperluan yang strategik untuk industri pembinaan di Malaysia. Tambahan lagi, kita harus sedar bahawa adalah menjadi satu keperluan bagi setiap pemain-pemain utama dalam industri pembinaan di Malaysia untuk bekerjasama bagi mengambil peluang ke arah synergi yang kreatif dan mencapai hasil yang lebih baik. Seterusnya, ia juga dapat memberikan sumbangan yang penting dalam pertumbuhan ekonomi negara.

17. Akhir sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan seminar satu hari yang dilaksanakan dalam bentuk perkongsian bistari ini. Saya berharap berdasarkan pengalaman yang luas daripada semua lapisan anggota dalam industri pembinaan, maka konsep perkongsian boleh memperkuat lagi sesuatu organisasi disamping dapat memberikan satu mekanisma dan menjadi asas yang lebih luas dan perubahan yang sistematik untuk memenuhi cabaran pada alaf baru ini, terutamanya dalam mencapai wawasan 2020.

18. Dengan ucapan bismilla-hir-rahma-nirrahim saya merasmikan seminar pengenalan kepada konsep perkongsian dalam industri pembinaan khususnya pelaksanaan konsep perkongsian di JKR, anjuran Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Master Builders Association Malaysia (MBAM).

Terima kasih.